

15 OCT 2003

OIC-Anugerah

ANUGERAH INTELEK OIC SEMPENA NAMA DR MAHATHIR

Oleh: Mawi Taip

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Pusat Penyelidikan bagi Sejarah, Kesenian dan Kebudayaan Islam (IRCICA), iaitu badan di bawah naungan OIC yang berpusat di Istanbul, akan mewujudkan sebuah anugerah intelek yang dinamakan sempena nama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Pengarahnya Prof Dr Ekmeleddin Ihsanoglu berkata anugerah itu mengambil nama Dr Mahathir berikutan sumbangan Perdana Menteri ke arah kemajuan dan pembangunan Malaysia selain umat Islam.

"Memandangkan Malaysia mempunyai pelbagai etnik, kebudayaan dan latar belakang agama, apa yang Dr Mahathir telah lakukan terhadap Malaysia selama dua dekad sememangnya di luar jangkauan. Tidak ada negara Islam lain yang boleh menandingi apa yang beliau telah laksanakan," katanya kepada Bernama dalam satu wawancara di sini hari ini.

Dr Ekmeleddin berkata anugerah itu yang diberikan sekali bagi setiap empat tahun, bermula pada 2004, akan dianugerahkan kepada Doktor Falsafah terbaik untuk tesisnya dalam Pengajian Islam.

"Anugerah pertama tahun depan akan diberikan kepada tesis yang ditulis antara tahun 2000 dan 2004 mengenai dunia Melayu," katanya.

Beliau berkata jawatankuasa penganjur utama terdiri daripada anggota-anggota dari IRCICA, Malaysia dan cendekiawan antarabangsa akan merangka garis panduan anugerah itu tidak lama lagi.

Dr Ekmeleddin berkata Dr Mahathir telah melawat IRCICA sebanyak dua kali dan merupakan penyokong kuat pertubuhan itu serta memberikannya sokongan kewangan, moral dan akademik.

"Langkah mewujudkan anugerah ini merupakan cara terbaik untuk mengekalkan nama beliau (Dr Mahathir) dan misinya yang berterusan untuk umat Islam," kata beliau lagi.

Semasa ditanya mengenai penyuburan semula OIC, Dr Ekmeleddin berkata ia hanya boleh dicapai sekiranya kesemua negara anggota mahu pertubuhan itu memainkan peranan lebih berkesan.

"OIC dilahirkan semasa perang dingin... ini ialah sebuah dunia yang baru dan OIC perlu menghidupkan semula dasar dan konsepnya bagi berhadapan dengan dunia yang sentiasa berubah," katanya.

Dr Ekmeleddin berkata anggota-anggota OIC mesti meletakkan pertubuhan itu pada perspektif yang betul dengan menyesuaikan diri kepada perubahan agar dapat menjadikan OIC sebuah pertubuhan yang amat berkuasa dalam memberikan khidmat kepada negara-negara Islam dan umatnya.

-- BERNAMA

MT MKO ROS